

06 JUL 2001
Tentera-Aids

ANGGOTA TENTERA JALANI PEMERIKSAAN EMPAT TAHUN SEKALI, PASTIKAN BEBAS AIDS

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Anggota tentera diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan menyeluruh empat tahun sekali bagi memastikan mereka bebas daripada sebarang ancaman penyakit termasuk HIV/Aids.

Pengarah Kesihatan Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Brig Jen (Dr) Abd Razak Yusoff berkata pemeriksaan empat tahun sekali itu wajib dijalani setiap anggota sehingga tamat perkhidmatan.

Katanya pemeriksaan itu bertujuan memastikan tahap kesihatan anggota tentera sentiasa baik dan bebas daripada penyakit apabila tamat tempoh perkhidmatan.

"Kita nak pastikan anggota tentera yang berhenti daripada perkhidmatan bebas daripada sebarang penyakit dan mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan," katanya kepada pemberita di Wisma Pertahanan di sini hari ini.

Dr Abd Razak sebelum itu memberi ceramah bertajuk "Infeksi HIV di kalangan warga ATM" dalam forum yang merupakan antara program hari keluarga Angkatan Tentera Darat, esok.

Presiden Majlis Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir diundang pada forum yang sama dan menyampaikan ceramah bertajuk "HIV/Aids - Paradigma Ancaman Keselamatan".

Dr Abd Razak berkata selain pemeriksaan empat tahun sekali, anggota yang akan berkursus atau ditugaskan ke luar negara juga akan menjalani pemeriksaan kesihatan bagi mengesan pelbagai jenis penyakit termasuk HIV/Aids dan Hepatitis.

"Sebagai contoh, jika mereka sudah menjalani pemeriksaan pada tahun keempat dan dihantar ke luar negara untuk berkursus dua tahun kemudian, mereka wajib diperiksa semula," katanya.

Katanya ATM juga mewajibkan anggota yang dihantar berkhidmat dengan misi pengaman Bangsa-bangsa Bersatu menjalani pemeriksaan sebelum berlepas, sebaik kembali ke tanah air dan enam bulan selepas pulang.

Bagaimanapun, Dr Abd Razak tidak menafikan terdapat segelintir anggota tentera yang mengidap HIV/Aids semasa dalam perkhidmatan tetapi menekankan jumlah itu pada tahap minimum dan tidak membimbangkan.

Katanya ATM dari semasa ke semasa mengadakan ceramah dan forum untuk anggota tentera bagi meningkatkan kesedaran mereka mengenai ancaman virus itu.

"Kami mempromosikan program kesedaran supaya bilangan yang ada sekarang, kekal dan tidak meningkat... malah kadarnya patut sifar, kita tidak patut ada lagi kes HIV/Aids dalam angkatan tentera (pada masa depan)." katanya.

Terdahulu, Marina dalam ceramahnya berkata pengidap HIV/Aids sehingga tahun lepas di seluruh dunia berjumlah 36.1 juta orang iaitu 34.7 juta di kalangan orang dewasa dan 1.4 juta kanak-kanak.

Marina berkata faktor penyumbang anggota tentera mengidap Aids ialah berjauhan dengan isteri untuk tempoh lama, tekanan dan galakan daripada rakan sepasukan serta sikap sanggup mengambil sebarang risiko.

-- BERNAMA
ZAI ZS LAT